

21 MAY, 2021

Jangkitan dijangka lebih buruk dalam dua minggu

Berita Harian, Malaysia

Penularan COVID-19

Jangkitan dijangka lebih buruk dalam dua minggu

Pakar bimbang penularan VOC dalam komuniti lebih pantas

Oleh Ahmad Suhael Adnan
ahmad.suhael@bh.com.my

Kuala Lumpur: Lonjakan kes harian COVID-19 yang menghampiri 7,000 kes semalam, dikhuatiri hanya permulaan kepada gelombang baharu yang lebih buruk dalam tempoh dua minggu akan datang.

Pakar epidemiologi Universiti Malaya (UM), Prof Datuk Dr Awang Bulgiba Awang Mahmud, berkata jumlah kes cukup tinggi ketika ini baru mengambil kira penularan yang berlaku dua minggu lalu, dikhuatiri bertepatan apabila gelombang kes baharu akibat melanggar prosedur operasi standard (SOP) Aidilfitri, dikesan bermula minggu depan.

Katanya, kemungkinan itu juga bersandarkan penularan COVID-19 dalam komuniti yang meluas berdasarkan jumlah tinggi kontak rapat yang dikesan positif, selain kemungkinan 'variant of concern' (VOC) dari luar negara sudah menular di Malaysia.

"Aidilfitri baru seminggu berlaku. Apa yang kita lihat sekarang adalah jangkitan yang mungkin berlaku dua minggu sebelum Aidilfitri, ada kemungkinan (gelombang kes langgar SOP Aidilfitri). Jumlah tinggi kontak rapat dikesan positif seperti di Selangor pula petanda kes dalam masyarakat terlalu banyak.

"Dengan bilangan kes begitu tinggi, saya rasa Kementeri-

an Kesihatan (KKM) tidak lagi mempunyai kakitangan yang cukup untuk aktiviti pengesanan kontak yang betul-betul berkesan," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Awang Bulgiba sudah menjangka lonjakan kes sejak awal tahun lagi selepas KKM mengeluarkan pekeliling pada 13 Januari lalu mengarahkan jumlah saringan kontak rapat diturunkan, menyebabkan kadar positif kes berbanding saringan di Malaysia melebihi kadar ambang lima peratus disyorkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

"Pekeliling ini mengakibatkan penularan lebih banyak disebabkan banyak kontak rapat tidak dikesan dan dikuarantin. Jadi mereka bebas menjangkiti orang lain, menyebabkan kes sporadik makin bertambah dan penyakit terus menular dalam kalangan masyarakat," katanya.

Ditanya bila dijangka peningkatan kes mula stabil kesan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) terkini, beliau berkata, sukar membuat unjuran kerana PKP tidak begitu ketat dan kadar kontak masih tinggi.

Selain itu, katanya, impak penularan VOC terhadap lonjakan kes dan kematian sukar diukur kerana Malaysia melakukan penjujukan genom yang sedikit berbanding bilangan kes, iaitu sekitar 0.08 peratus berbanding United Kingdom (UK) yang me-

njalankan penjujukan genom lebih lapan peratus daripada jumlah kes.

"Saya pernah cadang kita pertingkatkan bilangan penjujukan genom dengan bantuan universiti yang punya kelengkapan melakukannya, tetapi sehingga hari ini keupayaan ini tidak dimanfaatkan sepenuhnya. Tempoh kuarantin untuk pelawat luar juga terlalu pendek.

"Penularan varian UK B.1.1.7 dan varian South African B.1.351 dalam masyarakat bermakna ada kemungkinan varian itu membolosi tempoh kuarantin pelawat. Ada kemungkinan VOC ini punya tempoh jangkitan lebih lama daripada 10 hari dan ada 'viral load' lebih tinggi, tetapi kita masih lagi menggunakan amalan lama," katanya.

Menyarankan PKP penuh seperti 18 Mac tahun lalu dilaksanakan di beberapa negeri seperti Selangor dan Kuala Lumpur dengan bantuan sewajarnya disediakan kepada golongan terjejas, beliau berkata, kerajaan perlu pertingkatkan keupayaan vaksinasi, khususnya pendaftaran dan membaiki rancangan kawalan pandemik jika PKP penuh dibuat.

"Kerajaan perlu proaktif, bukan hanya reaktif. Pantau jangkitan dalam kalangan pekerja dengan ujian saringan berulang dan berkala, perbaiki keadaan

hidup pekerja dengan Akta 446," katanya.

Sementara itu, pakar epidemiologi dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Dr Mohd Rohaizat Hassan, berkata peningkatan kes harian COVID-19 menunjukkan lonjakan ketara penularan wabak itu dalam komuniti dan ia membimbangkan kerana menggambarkan ketidakpatuhan masyarakat terhadap SOP semakin serius.

Ketua Jabatan Kesihatan Masyarakat Fakulti Perubatan UKM itu berkata, situasi diburukkan dengan penularan VOC di Malaysia, khususnya varian Afrika Selatan B.1.351, yang dikhuatiri menyebabkan penularan berlaku lebih pantas.

Merujuk peningkatan kes harian di Selangor melebihi 2,200 kelmarin, dengan lebih 65 peratus daripada hasil saringan kontak rapat, Dr Mohd Rohaizat percaya, ia menunjukkan penularan virus itu berlaku amat pantas dan sudah meluas dalam komuniti.

"Jumlah besar daripada saringan kontak rapat memberi gambaran bahawa penularan COVID-19 sangat pantas dan tersebar luas dalam komuniti ketika ini. Apabila bilangan kontak rapat dikesan positif agak ramai, ia memberi gambaran bahawa aspek kepatuhan SOP dalam komuniti adalah rendah.

"Selain keluarga yang tinggal serumah, jangkitan antara kontak rapat berlaku apabila pertemuan secara berkumpulan, antaranya di tempat kerja dan mereka tidak memakai pelitup muka dan menjaga jarak sosial. Lonjakan kes boleh dielakkan sekiranya setiap rakyat berdisiplin dalam mematuhi SOP ditetapkan," katanya.

“Dengan bilangan kes begitu tinggi, saya rasa KKM tidak lagi mempunyai kakitangan yang cukup untuk aktiviti pengesanan kontak yang betul-betul berkesan”

Awang Bulgiba Awang Mahmud,
Pakar epidemiologi UM





21 MAY, 2021

Jangkitan dijangka lebih buruk dalam dua minggu

Berita Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Pakar bimbang penularan VOC dalam komuniti lebih pantas

Kuala Lumpur: Lonjakan kes harian COVID-19 yang menghampiri 7,000 kes semalam, dikhuatiri hanya permulaan kepada gelombang baharu yang lebih buruk dalam tempoh dua minggu akan datang.